

Angkasa minta tangguh had potong gaji 60%

KUALA LUMPUR 28 April - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan menghantar satu memorandum resolusi cadangan kepada kerajaan pada minggu depan bagi menangguhkan pelaksanaan had maksimum potongan 60 peratus gaji di peringkat pembayar gaji bermula bulan ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdul-lah berkata, ini kerana keputusan yang dibuat oleh kerajaan perlu dibincangkan oleh pemain industri terutama koperasi.

katanya, pelaksanaan terse-

but akan memberi impak kepada koperasi dan penjawat awam kerana keputusan itu dilihat agak tergesa-gesa.

“Pelaksanaan ini akan memberi kesan kepada peminjam seperti berhadapan dengan tindakan perundungan sekiranya tidak mampu untuk melangsungkan pinjaman.

“Selain itu, pelaksanaan ini akan menyebabkan penjawat awam membuat pinjaman secara haram daripada ah long kerana tidak perlu dikenakan potongan pinjaman menerusi potongan gaji,” katanya.

Beliau berkata demikian kepa-



ABDUL FATTAH

da pemberita selepas menghadiri perbincangan mengenai cadangan pelaksanaan itu bersama 360 koperasi sektor kredit Angkasa dari seluruh negara di Auditorium Angkasa, Kelana Jaya, dekat ini hari ini.

Pada 20 April lalu, Jabatan Akauntan Negara melaksanakan sekatan bayaran potongan gaji penjawat awam sehingga maksimum 60 peratus daripada jumlah gaji kasar bagi menangani masalah keberhutangan penjawat awam bermula bulan ini.

Langkah yang dibuat kerajaan itu bertujuan membantu penjawat awam menguruskan hal ehwal kewangan peribadi dengan lebih teratur dan mengelakkan mereka terjerumus dengan masalah hutang yang serius.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia